



MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN TAPAK TOREHAN TSB JENGKA 22, MARAN, PAHANG

UCAPAN ALUAN

TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT) RISDA

TSB JENGKA 22, MARAN
PAHANG
22 JULAI 2008
9.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Hj. Mohd. Sharkar bin Hj. Shamsudin
Exco Kerajaan Negeri Pahang

Yang Dihormati Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)
Mewakili Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati En Hairi bin Mat Lanan
Pengurus Besar RISDA Plantations Sdn Bhd.

Yang Dihormati Tn. Hj. Mujahid bin Mohamad
Pengaroh RISDA Negeri Pahang

Semua Pegawai Kanan RISDA

Pengerusi dan AJK TSB Jengka 22

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta TSB Jengka 22 yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Perasmian Pembukaan Tapak Torehan TSB Jengka 22, Maran pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang

3

Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Saya juga mengambil kesempatan di sini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini serta merasmikan Majlis Ppembukaan Tapak Torehan TSB Jengka 22 pada pagi ini. Kita semua berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin yang begitu prihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, insya'Allah akan menjadi

4

pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil Jengka 22 untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua peserta TSB Jengka 22. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil.

5

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Pelancaran Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti

Tahun 2008 ini telah diisytiharkan oleh RISDA sebagai Tahun Produktiviti. Tujuan Pelancaran Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti adalah untuk:

- 2.1 Meningkatkan hasil melebihi 2000 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit.

6

- 2.2 Meningkatkan pendapatan pekebun kecil ke tahap RM 2000.00 sebulan sekeluarga pada penghujung RMK 9.
- 2.3 Mewujudkan satu pembudayaan aktiviti khidmat pengembangan getah dan sawit matang di kalangan pekebun kecil.
- 2.4 Mempergiatkan aktiviti khidmat pengembangan kepada golongan sasaran khasnya dibawah kategori produktiviti getah dan sawit matang.

7

3.0 Pendekatan Kearah meningkatkan produktiviti kebun

- i. Meningkatkan hasil setorehan sepokok atau g/t/t daripada 35 gram ke 60 gram melalui penggunaan klon yang baik.
- ii. Amalan Pertanian yang baik
- iii. Penggunaan baja dan alat rangsangan
- iv. Menambahkan bilangan hari menoreh dari 11 hari ke 15 hari sebulan
- v. Meningkatkan kepadatan pokok bertoreh daripada 353 pokok sehektar ke 500 pokok sehektar

8

4.0 MAKLUMAT TSB JENKA 22

Untuk makluman Yg. Bhg. Tan Sri, TSB Jenka 22 ini telah ditubuhkan pada Januari 2004 dan telah selesai ditanam pada September 2004. Bilangan peserta adalah seramai 35 orang dan meliputi 141.4828 hektar. Klon yang ditanam di TSB ini adalah Klon RRIM 2023 dan RRIM 2025 dengan kepadatan pokok 510 pokok sehektar. Setakat Jun 2008, ukurlilit pokok telah mencapai 42 sm dan 3 lot telah pun mula ditoreh. Syukur Alhamdulillah, hari ini TSB ini telah diisytiharkan matang dan boleh di buka tapak torehan untuk memulakan tugas-tugas penorehan. Ini menepati

9

usaha RISDA supaya pokok boleh di toreh dalam tempoh 41/2 tahun.

5.0 PENUTUP

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA yang buat pertama kali berjumpa dengan Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga terima kasih

kepada peserta TSB Jengka 22 yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Tn Hj. Mujahid bin Mohamad, Pengarah RISDA Pahang serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.